

PENDEKATAN KAUNSELING KELOMPOK PSIKO PENDIDIKAN DALAM MEMBANTU IBUBAPA YANG MEMPUNYAI ANAK-ANAK BERMASALAH DISIPLIN

Dayang Masiah Binti Abdul Majid
Zuria Mahmud

Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Kelompok membawa maksud beberapa orang individu yang terikat dengan minat, tujuan atau fungsi yang sama. Kaunseling kelompok adalah proses yang melibatkan pemberian bantuan serta pencapaian matlamat dalam seting kelompok. Kajian ini merupakan satu kajian yang menggunakan pendekatan kaunseling kelompok psiko pendidikan dalam membantu ibu bapa menangani masalah disiplin anak-anak. Ahli kelompok disertai oleh ibubapa yang anak-anak mereka dibawah pemantauan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Kaunseling kelompok dijalankan tiga sesi berdurasi dua jam. Setiap sesi kelompok membincangkan tentang kemahiran ibubapa dalam membentuk disiplin anak. Ahli kelompok seramai tujuh orang , 3 pasangan suami isteri dan seorang ibu tunggal. Aktiviti kelompok bermula dengan semua ahli memperkenalkan diri masing-masing serta berkongsi kekuatan dan kelemahan mereka, diikuti dengan penetapan matlamat yang hendak dicapai dalam kelompok. Kaunseling kelompok psiko pendidikan ini mendidik setiap ahli kelompok untuk saling hormat-menghormati, meningkatkan kerjasama setiap ahli kelompok dan tingkatan kematangan dalam tingkahlaku serta membuat keputusan. Dapatan dari kajian ini, ibubapa dapat celik akal dalam mendekati anak-anak mereka dan meningkatkan kemahiran ke ibubapaan. Kajian ini juga menyokong penggunaan psiko pendidikan berkelompok dalam program kaunseling.

Kata Kunci: *Kaunseling kelompok, Intervensi Psikopendidikan, ibu bapa, masalah disiplin*

1.0 PENGENALAN

Kaunseling kelompok ialah proses perhubungan antara kaunselor dengan beberapa orang peserta. Mereka menilai diri dan situasi dalam usaha menukar sikap dan tingkah laku (Hensen, Warner dan Smith,1980). Kaunseling kelompok adalah satu proses penyesuaian diri dengan menggunakan pengalaman-pengalaman peserta dalam kelompok sebagai penggalak perkembangan diri peserta kelompok. Fokus kaunselin kelompok ialah menolong peserta menghadapi masalah penyesuaian diri dan perkembangan diri sehari-hari seperti perubahan tingkahlaku, memperbaiki kemahiran berhubung, sikap dan nilai atau kerjaya atau membuat keputusan dalam hidup (Gibson dan Mitchell, 1981,1999).

Kelompok psikopendidikan merupakan kelompok yang dibina bertujuan menangani sesuatu isu atau sesuatu populasi melalui proses kaunseling dan pendidikan. Kelompok-kelompok psikopendidikan distrukturkan untuk membantu manusia untuk meneroka, membina sesuatu kemahiran, memahami sesuatu matlamat (tema), ataupun melalui transisi

kehidupan. Psikopendidikan telah mendapat tempat dalam aktiviti pengamal kesihatan mental di pelbagai seting seperti pendidikan dan agensi komuniti. Konsep Psiko sering dikaitkan dengan perasaan, jiwa, mental, dan emosi dan Psikologi pula adalah kajian mengenai perasaan, jiwa, mental dan emosi. Bagaimanapun Kamus Dewan memberi maksud psikologi sebagai kajian tentang proses mental dan pemikiran, terutamanya berhubung dengan perlakuan manusia. Pola pemikiran dan perlakuan seseorang ataupun sesuatu kelompok.

Menurut Arthur S.Reber (1998) menyatakan psikologi pendidikan adalah sebuah sub disiplin ilmu psikologi yang berkaitan dengan teori dan masalah kependidikan yang berguna dalam hal-hal seperti penerapan prinsip-prinsip belajar dalam kelas, pengembangan dan pembaharuan kurikulum, ujian dan evaluasi bakat bakat dan kemampuan, sosialisasi dan interaksi proses-proses tersebut dengan pendayagunaan ranah kognitif dan penyelenggaraan pendidikan keguruan. Secara praktis, Barlow (1985,dalam Tardif,1987) mendefinisikan psikologi pendidikan sebagai sebuah pengetahuan berdasarkan riset psikologi yang menyediakan serangkaian sumber-sumber untuk membantu dan melaksanakan tugas sebagai seorang guru dalam proses belajar secara selektif. Dalam buku Educational Psychology yang diterjemaahkan Buchori (1978), psikologi pendidikan adalah belajar sistematik tentang proses-proses dan faktor-faktor berhubungan dengan pendidikan manusia. Kaunseling kelompok psikopendidikan memberi tindak balas yang baik dalam kalangan ahli, disamping membrikan nafas baru dari segi perkongsian maklumat, menggalakan ahli kelompok mencapai matlamat yang hendak dicapai, penyelesaian konflik, memberikan sokongan sesama ahli dalam kelompok agar dapat membuat keputusan.

2.0 METODOLOGI

Pendekatan kaunseling kelompok psiko pendidikan telah dijalankan untuk membantu ibu bapa yang menghadapi anak-anak yang bermasalah disiplin dibawah pemantauan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Seramai tujuh orang ahli kelompok yang terdiri dari 3 pasangan suami isteri dan seorang ibu tunggal telah menyertai sesi kaunseling kelompok psiko pendidikan ini. Sebanyak 3 sesi di jalankan dan setiap sesi berdurasi dua jam. Ativiti Kemahiran-kemahiran yang digunakan sepanjang sesi kelompok adalah kemahiran keluarga mendengar ialah keperluan anak 5 D” seperti dekati, dengari, dasari, dayabaiki dan dampingi. Aktiviti kemahiran keluarga dengan akitivi bersama ibu bapa dan anak. Aktiviti Komunikasi Berkesan digunakan dalam sesi kaunseling kelompok dan aktiviti Salam Kasih , Salam Sayang.

3.0 DAPATAN KAJIAN

Sesi Pertama

Pada sesi pertama, fasilitator minta ibubapa perkenalkan diri masing-masing. Ahli kelompok disertai oleh ibubapa yang anak-anak mereka dibawah pemantauan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Ahli kelompok seramai tujuh orang , 3 pasangan suami isteri dan seorang ibu tunggal. Walaupun pada mulanya setiap ahli malu-malu dan kekok akan tetapi sesi pengenalan berjalan dengan baik. Setelah habis memperkenalkan diri fasilitator juga meminta melukis gambar keluarga dan meminta ahli kelompok untuk menerangkan tentang ahli keluarga masing – masing. Fasilitator juga meminta ibubapa menceritakan sifat anak tersebut dari segi kekuatan dan kekurangannya serta apa yang perlu di perbaiki tentang anak tersebut. Sesi ini juga menetapkan matlamat yang hendak dicapai dalam sesi kelompok. Perbincangan tertumpu kepada norma kelompok. Ahli kelompok berbincang dalam kumpulan iaitu menyoyal dengan baik, menghormati ahli kelompok yang sedang bercakap, menghormati

pandangan ahli yang lain, tidak boleh menggelakan ahli, dan isu kerahsiaan. Seterusnya fasilitator dan ahli kelompok berbincang topik yang agak mendalam iaitu fasilitator meminta ahli kelompok melukis gambar keluarga, walaupun masa yang diperlukan hanya lima minit akan dinamik kelompok mula membuahkan hasil. Sesi kaunseling kelompok memberikan pendidikan atau mengajar membincangkan tentang kemahiran ibubapa dalam membentuk disiplin anak.

Sesi Kedua

Dalam sesi kedua, setiap ahli bebas untuk berkongsi apa sahaja yang mereka rasa selesa untuk dikongsi bersama dalam kelompok. Sesi kali ini fasilitator menggunakan proses kaunseling Model 5 D bagi membantu ibubapa dalam kemahiran keluarga seperti dekati, dengari, dasari, dayabaiki dan damping. Aktiviti kali ini fasilitator memberikan tugas dimana setiap ibubapa perlu membagi contoh untuk setiap D. Perkongsian ini dimulakan oleh ibu tunggal yang berkongsi contoh 5 D untuk anaknya. Setiap ahli kelompok mendengar dan memahami perkongsian ahli tersebut. Apabila salah satu ahli menyatakan “saya tidak pernah terfikir menggunakan 5 D dapat memberikan impak yang baik dalam mendekati anak-anak”, kebanyakan ahli kelompok bersetuju. Sesi diteruskan lagi dengan kemahiran keluarga iaitu ibubapa main peranan komunikasi antara ibubapa dan anak. Ibubapa berlakon jadi anak dan ibubapa. Aktiviti ini mendidik ahli kelompok untuk melihat dan berfikir tentang cara mendekati diri dengan anak-anak. Menggunakan pendekatan 5D ibubapa dapat memahami apa sebenarnya yang anak kehendaki dalam kehidupan disamping berkongsi rasa bahagia bersama keluarga. Aktiviti kaunseling kelompok diteruskan lagi dengan tajuk “komunikasi berkesan”. Objekif aktiviti adalah perbezaan wujud dalam komunikasi dan menyatakan maksud persepsi komunikasi. Dalam aktiviti ini, fasilitator meminta setiap ahli kelompok untuk melukis sebuah rumah ada sebatang pokok kelapa disebelah kanan rumah, ada sebuah kereta di hadapan rumah serta sebatang pokok bunga kertas di tanam di dalam pasu berhampiran dengan kereta. Masa yang diperlukan lima saat bagi setiap saat dan ahli kelompok tidak boleh bertanya kepada ahli yang lain. Setelah semua ahli siap berkongsi aktiviti lukisan yang diarahkan, beberapa ahli kelompok menyatakan bahawa aktiviti ini dapat menghilangkan tekanan yang dihadapi ahli kerana berasa seronok, terhibur dan yakin diri kerana mendapat penerimaan dan sokongan dari ahli kelompok.

Sesi Ketiga

Aktiviti yang dijalankan pada sesi terakhir ialah “*Salam Kasih, Salam Sayang*”, dimana objektif untuk menghargai setiap peluang untuk berkenalan dan bersyukur dengan kurniaan Ilahi pada diri dan mewujudkan rasa kasih dan sayang pada setiap insan. Aktiviti ini menggunakan muzik sebagai iringan, Peserta dibahagikan kepada dua kumpulan mengikut jantina dan berada dalam bulatan. Setelah selesai, peserta diingatkan supaya mendengar dan melaksanakan arahan yang disampaikan oleh fasilitator. Peserta bergerak seorang demi seorang menemui setiap rakan dan bersalaman menggunakan tangan kanan dan kiri, setelah selesai bergerak sekali lagi bertemu rakan yang sama dan bersalaman menggunakan pipi kanan dan kiri. Akhir sekali, peserta bersalaman dengan menyentuh dagu masing-masing. Semua peserta menzahirkan rasa gembira dan seronok menyertai kelompok tersebut. Setiap ahli menyatakan bahawa mereka lebih yakin, bersemangat, bermotivasi dan berjanji kepada diri sendiri untuk terus berusaha mencapai matlamat hidup serta kemahiran-kemahiran yang mereka pelajari dalam sesi kelompok ini akan digunakan sebaik-baiknya dan dipraktikkan kepada anak-anak bagi membina sebuah keluarga yang bahagia. Sebagai fasilitator, saya

menyatakan kelompok psiko pendidikan ini mendidik setiap ahli kelompok untuk saling hormat-menghormati, meningkatkan kerjasama setiap ahli kelompok dan tingkatkan kematangan dalam tingkahlaku serta membuat keputusan. Dapatan dari kajian ini, ibubapa dapat celik akal dalam mendekati anak-anak mereka dan meningkatkan kemahiran ke ibubapaan. (*Amanda & Elaine Frankell, 2010*), turut menjelaskan lagi ibubapa perlu diberikan pendidikan tentang peranan mereka dalam keperluan anak-anak. Menurut *Lazar et al., (2009)*, autoriti ibu bapa adalah kuasa pendorong untuk mengamalkan gaya keibubapaan tertentu seperti autoritatif, autokratik, demokrasi dan permisif. Manakala, dimensi tingkah laku keibubapaan memberikan takrifan yang berbeza iaitu kaedah bagaimana ibu bapa melaksanakan gaya keibubapaan tersebut seperti perbincangan, aktiviti, penglibatan dan pemantauan terhadap anak. Hal ini diharapkan dapat meningkatkan kesedaran di samping memberikan kekuatan kepada mereka untuk berhadapan dengan masalah disiplin anak. Sebelum sesi ditamatkan, fasilitator menerangkan tentang kepentingan meluagkan masa bersama keluarga dan meminta ibubapa banyak berkongsi aktiviti bersama keluarga

4.0 CABARAN DAN PENAMBAHBAIKAN

Cabaran yang dihadapi dalam menjalankan sesi kaunseling kelompok ini ialah kurang memberikan kerjasama dan enggan melakukan perubahan. sikap ahli kelompok yang terlalu aktif dan suka memotong percakapan ahli yang lain. Ada ahli yang bermain telephone semasa sesi kelompok sedang berjalan serta ahli lain yang bercakap dan tidak fokus semasa ahli lain sedang bercakap. Keadaan menjadi reda apabila fasilitator mengingatkan tentang norma-norma kelompok.

5.0 KESIMPULAN

Pendekatan kaunseling kelompok Psiko pendidikan dalam membantu ibubapa yang mempunyai anak-anak bermasalah disiplin telah disertai ibubapa yang anak-anak mereka dibawah pemantauan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Seramai tujuh orang, 3 orang pasangan suami isteri dan seorang ibu tunggal. Tiga sesi yang dijalankan berdurasi dua jam ini ialah (1) Sesi memperkenalkan diri dan penetapan norma kelompok (2) Membina kemahiran keluarga menggunakan Modul 5 D dan aktiviti Komunikasi berkesan (3) penutup. Penulis mendapati pengalaman ini merupakan pengalaman yang baru dan penting dalam menimbah pengetahuan dalam mengendalikan sesi serta setiap sesi dapat menampakkan dinamika kelompok.

6.0 RUJUKAN

- Zuria Mahmud, & Salleh Amat. 2002. Model interaksi terapatik sebagai teknik menangani kelas bermasalah: Satu kajian kes. *PVirTECC Journal*, 2(1), 23-37.
- Aslina Binti Ahmad, A.B (2013). *Keberkesanan Intervensi Psiko-pendidikan Terhadap Tingkah Laku Murid Sekolah Menengah Oleh Guru Bimbingan Dan Kaunseling*. Kuala Lumpur: Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Azizi Yahaya & Halimah Ma'alip. 2010. Kemahiran kaunseling sebagai strategi membantu, Zuria Mahmud, Salleh Amat. *Framework for school-based psychoeducational interventions*. Marsh, H. W., & Craven, R. G. 2005. Reciprocal effect of self-concept and performance from a multidimensional perspectives: Beyond seductive pleasure and

- unidimensional perspectives. *Perspectives on Psychological Science*, June 2006 1: 133-163.
- Amran Hassan, Fatimah Yusoff, Khadijah Alavi, (2014). Pengaruh Faktor Kesepaduan (Kefungsian Keluarga) dan Kemahiran Keibubapaan Terhadap Kesejahteraan Psikologi dalam Kalangan Ibu Bapa dan Anak. Universiti Kebangsaan Malaysia. e- ISSN ISSN:2289-6996.
- Mehmet Onemli & Zeynep Deniz Yondem. 2011. The effect of psychoeducational group training depending on self-regulation on student's motivational strategies and academic achievement. *Educational Sciences Theory and Practice*, 12(1), 67-73.
- Pintrich, P., & Schunk, D. 2002. *Motivation in education: Theory, research, and applications* (2nd ed). Upper saddle River, NJ: Prentice Hall.
- Rahil Mahyuddin, Habibah Elias, Loh Sau Cheong, Muhd Fauzi Muhamad, Nooreen Noordin, & Maria Chong Abdullah. 2006. The relationship between students' self efficacy and their English language achievement. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, Jil. 21, 61-71.
- Wan Anita Wan Abas, Azizah Hamzah (2013). Media dalam Kehidupan dan Perkembangan Kanak-kanak. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*. Vol.15,no.2, 2013:26-39